



Rujukan Kami: MDKT/22/04/04 JED13 ()
Tarikh : 17 Mac 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PELUPUSAN 2 UNIT KENDERAAN MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI SECARA JUALAN SEBUTHARGA

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pentadbiran ini akan melaksanakan tawaran sebutharga bagi Pelupusan Kenderaan Secara Jualan Sebutharga. Berikutan itu, bagi pihak yang berminat menyertai tawaran sebutharga tersebut boleh melihat aset berkenaan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 27 & 28 Mac 2022 (Ahad & Isnin)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Lokasi : Stor Majlis Daerah Kota Tinggi, Jln Sg. Siput
81900 Kota Tinggi, Johor

3. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini memohon kerjasama pihak tuan untuk mempamerkan Kenyataan Tawaran Sebutharga Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 24) pada papan kenyataan Jabatan tuan.

4. Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) boleh didapati di Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Kota Tinggi bermula 27 Mac 2022 jam 12.00 tengahari. Tarikh tutup permohonan adalah pada 7 April 2022 (Khamis) jam 12.00 tengahari.

5. Bersama-sama ini disertakan Kenyataan Tawaran Sebutharga Aset Alih Kerajaan (KEW.PA 24) dan gambar 2 unit kenderaan tersebut sebagaimana di Lampiran A dan Lampiran B untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya

Kerjasama pihak tuan dalam hal ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SEDIA MEMBANTU MUDAH URUSAN"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD FAHMY BIN YAHYA)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

MFMA/smh/Pengurusan AsetAlih/Mydoc



SENARAI EDARAN

1. Pejabat Daerah Kota Tinggi
Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Tun Habab
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

2. Jabatan Kerja Raya Kota Tinggi
Jalan Abdul Aziz
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

3. Jabatan Pengairan Dan Saliran Kota Tinggi
No.3, Aras 4 Bangunan Sultan Iskandar
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

4. Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi
PTB1165, Jalan Bukit Seri Lalang
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

5. Pejabat Pertanian Kota Tinggi
Aras 4, Bangunan Sultan Iskandar
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

6. Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi
JKR475 Jalan Skin
Kota Kechil
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama Majlis Daerah Kota Tinggi
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian/Jabatan:
Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:


Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Tender (5%)
1.	Pelupusan aset secara Jualan Sebutharga Maklumat Kenderaan:- Jenis Kenderaan: Kereta No.Pendaftaran: JLH7000 Model: Proton Persona 1.6(A) No.Sebutharga: MDKT/07/03/01-06 Jld01 (Gambar di Lampiran A)	1	RM5,500.00	RM275.00
2.	Pelupusan aset secara Jualan Sebutharga Maklumat Kenderaan:- Jenis Kenderaan: Kereta No.Pendaftaran: JLF7000 Model: Proton Persona 1.6(A) No.Sebutharga: MDKT/07/03/01-05 (Gambar di Lampiran B)	1	RM5,000.00	RM250.00

2. Aset boleh dilihat pada **27 & 28 Mac 2022** di antara jam **10.00 pagi** hingga **12.00 tengahari** di Stor Majlis Daerah Kota Tinggi, Jalan Sungai Siput, Kota Tinggi.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran adalah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **MDKT/07/03/01-06Jld01; MDKT/07/03/01-05** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Majlis Daerah Kota Tinggi
Jalan Padang
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Ta'zim

5. Tarikh tutup sebutharga pada **7 April 2022** jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

MOHD FAHMY BIN YAHYA

Yang Dipertua

Alamat: **Majlis Daerah Kota Tinggi**

Tarikh: **17 MAR 2022**

Cop:





JLF7000

PROTON PERSONA
NO.SEBUTHARGA:
MDKT/07/03/01-05




PANDANGAN HADAPAN KENDERAAN



PANDANGAN BELAKANG KENDERAAN

JLF7000

NO.SEBUTHARGA: MDKT/07/03/01-05



PANDANGAN SISI KIRI KENDERAAN



PANDANGAN SISI KANAN KENDERAAN



PANDANGAN ATAS – BUMBUNG KENDERAAN



JLH7000

PROTON PERSONA

NO.SEBUTHARGA: MDKT/07/03/01-
06 JLD01

LAMPIRAN A



PANDANGAN HADAPAN KENDERAAN



PANDANGAN BELAKANG KENDERAAN


JLH7000

NO.SEBUTHARGA: MDKT/07/03/01-06 JLD01

LAMPIRAN A



PANDANGAN SISI KIRI KENDERAAN



PANDANGAN SISI KANAN KENDERAAN



PANDANGAN ATAS – BUMBUNG
KENDERAAN

JLH7000

NO.SEBUTHARGA: MDKT/07/03/01-06 JLD01